

13/09/2001

Proton tiada niat jual Lotus

Minarni Mat Saad

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton), tidak akan menjual 80 peratus ekuiti yang dimilikinya dalam Lotus Group (Lotus), kerana ia mempunyai kepentingan strategik kepada operasi masa depannya.

"Tidak, kita tidak berhasrat menjual Lotus dan ia memang bukan untuk dijual," kata Ketua Eksekutif Proton, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff kepada pemberita di Shah Alam, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas spekulasi kononnya Proton bercadang menjual syarikat kejuruteraan terkemuka berpangkalan di Britain itu kepada sebuah syarikat di sana, Alchemy Partners (Alchemy).

Tengku Mahaleel juga menafikan laporan sebuah akhbar Britain, baru-baru ini yang mendakwa Proton sudah mengadakan rundingan untuk menjual Lotus dengan pemilik Alchemy, John Moulton.

Pada masa yang sama, beliau juga menafikan laporan kononnya pengeluar kereta nasional itu berminat untuk membeli kepentingan dalam pengeluar kereta berpangkalan di Britain, Rover Group (Rover).

"Proton bukannya berniaga membeli dan menjual syarikat, walaupun ia mungkin mempunyai rizab tunai yang cukup untuk berbuat demikian," katanya sambil menjelaskan bahawa Lotus banyak membantu syarikat itu meningkatkan mutu produk.

Tengku Mahaleel berkata, sebelum memiliki kepakaran dan teknologi sendiri, Proton mengambil masa kira-kira 10 tahun menghasilkan sebuah kereta tetapi dengan adanya Lotus, ia banyak membantu meningkatkan keupayaan.

Bagaimanapun, kata beliau, sejak membeli Lotus lima tahun lalu Proton berjaya meningkatkan penggunaan produk tempatan dalam keluaran kereta nasional melalui teknologi dan pengetahuan yang diperolehinya.

"Kita banyak menghasilkan teknologi baru dengan kerjasama Lotus. Proton memiliki 80 peratus ekuiti syarikat itu dan Lotus ialah sebahagian daripada projek kereta nasional," katanya.

Sebagai contoh katanya, Proton Waja yang dihasilkan dalam tempoh dua tahun menggunakan 85 peratus produk tempatan kecuali enjin berbanding ketika ia mula mengeluarkan kereta nasional yang keseluruhannya menggunakan produk import.

Menurut Tengku Mahaleel, beliau yakin menjelang tahun 2003 kereta nasional akan mencapai 100 peratus penggunaan produk tempatan iaitu apabila Proton mampu menghasilkan enjinnya sendiri.

"Saya percaya tiga tahun setengah lagi, Waja akan menggunakan enjin "cam pro" sendiri hasil kerjasama Lotus," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri sidang akhbar Ekspo dan Persidangan Industri Kejuruteraan Automotif Antarabangsa Asia ke-4 (AE Asia 2002) yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur 21 hingga 24 Mac 2002.

Turut hadir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Kerk Choo Ting; Pengerusi Interexpo (M) Sdn Bhd dan Datin Paduka Marina Mahathir.

(END)